

Majlis Makan Malam Program Bioteknologi (BiotechNite) 2012 _____ Artikel oleh: Hartinie Marbawi

Majlis makan malam program Bioteknologi (BiotechNite) 2012 telah diadakan pada 2 Jun 2012 bertempat di Grand Ballroom 1 Borneo. Acara tahunan ini turut dihadiri oleh para pensyarah program dan juga pelajar pascasiswazah bioteknologi. Majlis telah dirasmikan oleh Prof Madya Dr. Zaleha Abd. Aziz Timbalan Dekan Akademik dan Antarabangsa, SST. Pada kali ini para pelajar telah memilih tema 'Costume' yang menyaksikan para pelajar hadir dengan mengenakan pelbagai kostum yang menarik. Julung kalinya pada majlis kali ini, pelajar tahun satu dan dua turut sama di jemput untuk menjayakan majlis. Kehadiran pelajar selain tahun akhir pastinya dapat mengeratkan lagi kerjasama antara pelajar selain memberi peluang untuk pelajar berkenalan dengan lebih rapat dengan pelajar senior. Suasana makan malam diserikan dengan persembahan nyanyian serta cabutan bertuah. Anugerah personaliti juga diadakan untuk para pelajar tahun akhir yang mempunyai personaliti unik dan tersendiri. Majlis diakhiri dengan sesi fotografi dan bersurai kira-kira pukul 10.30 malam.



Sesi fotografi para pelajar tahun akhir dan pensyarah program Bioteknologi.



Antara para pensyarah yang hadir.